



## Soalan

**S**AYA baru saja bekerja di sebuah organisasi kerajaan selepas menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Saya tidak mempunyai masalah dengan rakan sekerja tapi sebaliknya dengan ketua di pejabat saya.

Dia seorang wanita yang belum berkahwin. Saya bencikan sikapnya yang bukan saja cerewet, malah langsung tidak boleh bertolak ansur serta sangat sombong dan bongkak.

Perlakuannya itu sekali gus membuatkan saya mempunyai persepsi negatif terhadap andartu kerana dia seperti tidak sedar diri.

Dia berusia 50-an. Melihat sikapnya itu, saya percaya ia adalah antara salah satu punca kenapa dia tidak berkahwin.

Saya kurang selesa berkerja dengannya. Dr benarkah andartu akan berkelakuan begitu?

JEMU,  
KUALA LUMPUR

## Jawapan

**D**R gembira adik berkongsi masalah ini biarpun ia bukanlah masalah rumit. Memberikan satu persepsi negatif kepada golongan tertentu boleh menghalang adik untuk membina komunikasi berkesan. Selain itu, dia boleh

# Bos tidak sekepala

## Ketua wanita tua terlalu cerewet, sukar bertolak ansur dengan pekerja

membentuk satu perhubungan negatif dengan individu terbabit.

**Soal Jodoh** adalah ketentuan Tuhan. Tiada manusia yang boleh menentukan bila masa dirinya akan menemui jodohnya. Namun, manusia perlu berusaha untuk mendapatkan apa diinginkan.

Tingkah laku ketua adik adalah secara peribadi, bukannya tingkah laku kebanyakan andartu. Tingkah laku ini boleh ada pada sesiapa saja.

Cerewet adalah ciri tanpa mengira golongan

andartu, anak dara mahupun golongan berkahwin. Ramai majikan wanita yang tidak berkahwin mempunyai personaliti dan cara bekerja yang cekap, sistematik dan sangat dihormati.

Dalam mencari jalan penyelesaian kepada persoalan hubungan adik dengan ketua, pertamanya adik perlu mempunyai persepsi positif terhadapnya dan tidak meletakkan nilai-nilai tertentu terutama nilai bersifat negatif.

Adik perlu memahami bahawa apa yang adik tidak suka terhadapnya adalah sifat dan ciri dirinya,



bukan orangnya atau kategori dirinya (sebagai wanita tua yang tidak berkahwin).

Sebagai pekerja, adik perlu berusaha untuk mewujudkan komunikasi yang baik. Terlebih dulu buanglah segala pemikiran dan persepsi negatif terhadap ketua adik. Jangan terlalu memikirkannya sehingga memberi kesan negatif kepada kehidupan harian adik.

Teruskan sikap positif adik untuk terus membina ruang komunikasi dan perhubungan positif terhadap majikan. Adalah baik jika adik mendoakan yang terbaik dalam kehidupannya.

Sekiranya adik tertekan dengan tingkah lakunya, adik boleh mengurangkan tekanan itu dengan melakukan aktiviti dengan kawan-kawan sekerja. Adik pun gembira dengan mereka.

Teruskan perhubungan kondusif dengan kawan-kawan ini. Ada kalanya tidak memadam kehidupan ini kerana terlalu melihat sesuatu yang negatif hingga melupakan perkara positif yang kita ada.

# Bakal guru terhegeh-hegeh hendak ambil hati sahabat

## Soalan

**S**AYA penuntut di salah satu Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia. Saya ada seorang kawan yang sama kursus. Saya sudah lama hendak berkawan dengannya tapi dia tidak memberi tindak balas baik terhadap saya.

Setiap kali bersamanya, saya rasakan dia dia cuba menjauhkan diri sedangkan saya tidak pernah menyakiti hatinya.

Lagipun, dia juga bukan teman rapat saya dalam kelas. Tetapi, saya cuba berkawan dengannya memandangkan kami adalah rakan sekursus.

Apabila saya cuba mendekati diri kepadanya, ada saja perkara yang dia lakukan seperti buat acuh tak acuh dan seolah-olah tidak mendengar apa yang saya katakan.

Oleh kerana saya memang nak berkawan dengannya, saya berterus-terang kepadanya mengapa dia bersikap dingin sedangkan dia dapat melayan dengan baik rakan sekelas yang lain.

Selepas bersemuka, masing-masing meminta maaf sekiranya ada perasaan yang tidak senang antara satu sama lain. Tetapi, dia masih mengulangi sikap lamanya dan tidak pernah mempedulikan saya walaupun di depannya.

Saya tegur pun dia tidak menjawab. Saya yang seperti terhegeh-hegeh hendak menjadi kawannya.

Saya ingin bertanya pada doktor, bagaimana caranya hendak berhadapan dengan masalah sebegini.

Nampak macam remeh tapi perkara seperti ini amat sukar bagi saya amat mementingkan persahabatan. Saya harap dengan adanya kaunseling daripada doktor saya akan berasa lega.

Bakal Guru Sedih,  
NEGERI SEMBILAN

## Jawapan

**D**R memahami masalah adik kerana nilai persahabatan tiada tolok banding-



nya. Persahabatan selalunya sukar diceritakan melalui kata-kata.

Memberi erti kepada persahabatan bukan mudah kerana ia mempunyai banyak sisi. Ia adalah satu gabungan perasaan yang indah dan kompleks.

Dua sahabat memerlukan ikatan saling memahami,

menghormati dan berkasih sayang.

Ikatan ini menjadi semakin kuat demi masa. Indahnya persahabatan juga apabila dua sahabat akan lebih berhubung rapat. Keakraban berkembang ke arah yang positif.

Seorang kawan juga bermakna bersama-sama ada dalam situasi baik atau

buruk. Persahabatan juga tiada syaratnya. Dua orang sahabat saling memahami dan tidak meragui.

Bagaimanapun, dalam dunia realiti, ada batas kepada makna persahabatan. Tujuan dan makna persahabatan dalam dunia sebenar adalah untuk mengurangkan beban kehidupan sahabat kita.

Dalam konteks permasalahan ini adik perlu mengurangkan bebanan kawan adik itu. Berilah dia masa untuk menilai erti persahabatan antara anda berdua.

Jika kawan adik itu belum bersedia untuk menjadi sahabat yang rapat kepada adik, berilah dia masa. Jangan memaksa. Ada kalanya, ada perkara yang perlu adik lepaskan.

Keikhlasan adik dan kawan adik untuk menjadikan persahabatan ini berjaya adalah sangat penting. Tidak bermakna adik seorang yang gagal dalam bersahabat jika kawan adik lambat untuk membalas balik persahabatan adik.

Sebaliknya adik seorang sahabat yang baik kerana memberi ruang masa dan tidak memaksa dia. Adik tidak meletakkan syarat dan tidak memberi bebanan kepada kawan adik itu. Dr doakan adik akan mendapat kawan sejati satu hari nanti.